

04 JAN 1997

Mahathir-Sungai

PUSAT BINCANG DENGAN NEGERI MENGENAI PENEMPATAN TEBING SUNGAI

KOTA KINABALU, 4 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan pusat mungkin akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri mengenai kemungkinan memindahkan orang ramai yang membina rumah di tebing-tebing sungai.

"Penempatan semula penduduk di tebing sungai perlu dibuat di seluruh negara tetapi kita perlu berbincang dengan kerajaan negeri kerana ia membabitkan soal sama ada terdapat tanah untuk menempatkan mereka," katanya.

Menurutnya kehilangan nyawa yang begitu banyak dalam tragedi banjir kilat akibat ribut tropika Greg baru-baru ini adalah disebabkan mangsa-mangsa mendirikan rumah di tebing-tebing sungai.

"Saya dapati tragedi ini berlaku kerana mereka tinggal di tempat yang tidak selamat iaitu membina rumah bukan sahaja di tebing sungai malah di dalam sungai. Walaupun sungai itu biasanya airnya sedikit sahaja, apabila berlaku banjir, paras air akan naik," katanya kepada pemberita di sini sebelum kembali ke Kuala Lumpur selepas mengadakan lawatan ke Keningau, kira-kira 140km dari sini.

Sepanjang lawatannya ke Keningau, yang merupakan daerah paling teruk dilanda tragedi itu, Dr Mahathir turut meninjau keadaan di Sungai Pampang dan Kampung Liawan serta pusat penempatan mangsa banjir di Dewan Masyarakat Keningau.

Kepada pertanyaan sama ada kerajaan berhasrat untuk menghadkan jarak pembinaan sesebuah rumah dari tebing sungai, Dr Mahathir berkata: "Saya nak kata ada had, susah sikit kerana ini perlu dibincang dengan kerajaan negeri."

"Kalau nak selesaikan masalah ini, sepatutnya tiada siapa yang tinggal di dalam sungai atau di tebing sungai kerana ia tidak selamat. Mereka mesti tinggal jauh dari sungai."

Beliau berkata, dalam tragedi minggu lepas itu, hanya mereka yang tinggal di tebing sungai yang menjadi mangsa manakala mereka yang berada di kawasan tinggi, telah terselamat daripada malapetaka itu.

Beliau juga meminta pelbagai pihak agar tidak membuat kritikan sewenang-wenang berhubung tragedi itu.

"Ada banyak berpendapat bahawa kita harus membuat laporan cuaca (yang menyeluruh) dan sebagainya tetapi masalahnya ialah orang tinggal di tempat itu. Kalau kita bagi amaran pun mungkin tidak sempat," kata Perdana Menteri.

Menurutnya ada sesetengah mangsa yang telah diberitahu bahawa air sedang naik di kawasan mereka tetapi tidak mengendakkannya kerana berpendapat banjir itu tidak akan sampai ke rumah mereka.

Perdana Menteri berkata selain tidak selamat, pembinaan rumah-rumah di tepi sungai juga tidak sesuai kerana ia boleh menimbulkan masalah lain seperti kesihatan.

"Saya dapati sungai digunakan sebagai tempat membuang najis dan ini tidak baik," katanya.

Beliau juga meminta kerajaan negeri dan majikan di daerah itu agar menempatkan semula mangsa terbabat ke kawasan selamat agar tragedi yang sama tidak berulang.

Mengenai rakyat asing yang menjadi mangsa terbanyak dalam kejadian itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan hanya membenarkan mereka yang bekerja untuk terus berada di negeri ini manakala mereka yang tidak mempunyai kerja

perlu dihantar pulang.

Beliau juga berpuas hati dengan penyertaan pelbagai pihak dalam operasi mencari dan menyelamatkan serta pemberian bantuan kemanusiaan terhadap mangsa tragedi itu.

Perdana Menteri turut berterima kasih kepada negara-negara luar yang turut bersimpati dengan mangsa malapetaka itu dan bermurah hati menghulurkan bantuan kewangan dan barangan.

-- BERNAMA

JS KG AHH